

تو مقت بیت!



TUMPAT BEST!

BANDAR WARISAN DAN PELANCONGAN



Sekapur Sireh, Seulas Pinang

Assalamualaikum wtb.

Tumpat merupakan salah sebuah jajahan dalam negeri Kelantan Darul Naim yang mempunyai keunikkan dan keindahan tersendiri. Ini dapat dilihat dan diterokai dari pelbagai aspek.

Buku “TumpatBest!” ini hadir dalam menyampaikan isi dan cerita berkenaan Tumpat. Meski ia bukan sebuah penulisan serba lengkap, tetapi besar harapan pihak penerbit agar ia mampu menjadi pengenalan Tumpat kepada para pembaca.

Majlis Daerah Tumpat sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang diamanahkan untuk menerbitkan Buku “Tumpat Best!” merasa berbesar hati dapat berkongsi maklumat dengan para pembaca di luar sana. Semoga tuan puhan yang menatap naskhah ini dapat mengambil input yang disediakan.

Penerbitan Buku Tumpat Best!

KANDUNGAN BUKU TUMPAT BEST!

Tumpat: Selayang Pandang.....	4
Tarikan Utama.....	7
Produk Tumpat.....	14
Tempat Bersejarah.....	20
Pantai.....	26
Taman Rekreasi.....	29
Masjid & Warisan Islam.....	32
Rumah Ibadat.....	39
Juadah di Tumpat.....	45
Penginapan di Tumpat.....	51

TUMPAT

Sekilas pandang..

Sejarah Tumpat

Tumpat terletak 22.5 kilometer di barat laut Kota Bharu. Tumpat bermaksud tamat atau penyudah sesuatu tetapi bagi perkataan Melayu, tumpat juga bermakna suatu ruang kosong yang penuh terisi. Mengikut cerita orang-orang lama/tua, Tumpat telah terbina sejak 190 tahun yang lalu. Barang keperluan terpaksa dibawa dari Kota Bharu tanpa jalan perhubungan yang sempurna dan apa-apa jua keperluan yang ingin dibawa keluar terpaksa menggunakan sampan. Pelabuhan ini semakin sibuk apabila pada awal kurun pemerintahan British membawa beberapa pembaharuan yang membolehkan pengangkutan lebih besar keluar masuk.

Sebelum ini hanya pengangkutan antara 300 dan 400 tan yang mampu berlabuh tetapi setelah itu lebih banyak pengangkutan dapat singgah sebelum meneruskan perjalanan ke pelabuhan Singapura.



TARIKAN UTAMA
Mari Sini Dulu Deh...


MASJID KAMPUNG LAUT



Masjid Kampung Laut merupakan sebuah masjid tertua yang masih wujud di Kelantan dan di antara yang tertua di Nusantara. Masjid ini dikatakan dibina dalam abad yang ke-18 oleh pendakwah Islam yang berulang-alik antara Champa dan Jawa dengan bantuan penduduk tempatan.

Masjid Kampung Laut kini telah dikembalikan ke tapak asalnya di Kampung Laut Tumpat menerusi projek Kampung Warisan setelah dipindahkan ke Nilam Puri kerana bencana banjir besar pada 1965.

LAMAN SENI KAMPUNG LAUT



Laman Seni Kampung Laut merangkumi dataran dan lot perniagaan yang berasaskan seni dan kraf Malaysia. Dataran yang terletak di tepi Masjid Kampung Laut ini sentiasa aktif diadakan pelbagai program kesenian dan pelancongan.

Ia menempatkan pengusaha wau, seni kraf juga produk hutan seperti akar kayu yang sentiasa menarik minat penggemarnya untuk berkunjung ke Laman Seni Kampung Laut.

KAWASAN BEBAS CUKAI PENGKALAN KUBOR



Kawasan Bebas Cukai pengkalan Kubor terletak kira-kira kira-kira 25 kilometer dari Kota Bharu dan lebih kurang 10 kilometer dari bandar Tumpat. Ia bersempadan dengan Thailand, iaitu pekan Takbai,Narathiwat. Daripada pekan Takbai,jaraknya adalah lebih kurang 2 kilometer dengan jalan pengangkutan air seperti Feri dan bot.

Antara barang yang sentiasa menjadi pilihan pengunjung ialah perkakasan dapur dan pakaian. Terkini, antara tarikan terbaru Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor ialah Street Art Pengkalan Kubor.

FLOATING MARKET TELUK RENJUNA



Floating Market atau Pasar Terapung yang terletak di Teluk Renjuna ini mula tular lewat tahun 2021 di media sosial. Ini kerana keunikannya yang hanya boleh dihubungi perjalanananya melalui pengangkutan sungai iaitu bot atau perahu. Pengunjung boleh pergi menerusi dua laluan utama iaitu dari arah Kota Bharu atau Tumpat, yang menjanjikan pengalaman baru kepada pengunjung Floating Market ini.

Lokasinya di tapak Pulau Sri Tanjung Resort, pasar terapung ini menawarkan pelbagai juadah istimewa termasuklah hidangan unik seperti lokam bakar dan kerabu nipah di samping ratusan menu lain.

WAYANG KULIT PAK DAIN KAMPUNG MORAK



Sekiranya anda berkunjung ke Tumpat melalui jalan Kampung Morak, anda akan terpandang sebuah galeri khas yang menyimpan khazanah wayang kulit. Ia kepunyaan Encik Muhammad Dain Othman, yang berkelulusan BA (Hons) Antropologi UKM, 1978. Di dalam bidang wayang kulit, Encik Dain atau mesra dengan panggilan Pak Dain ini berguru dengan ramai adiguru wayang kulit di negeri Kelantan.

Kini galeri Wayang Kulit sentiasa sibuk dengan seni persembahan dan menerima kunjungan pengkaji untuk berbagai-bagai pengajian.

MUZIUM WAU PANTAI SRI TUJOH



Muzium ini merupakan muzium wau pertama di Kelantan dan kedua di Malaysia selepas Muzium Layang-Layang Pasir Gudang, Johor. Ia menjadi pusat rujukan dan maklumat mengenai sejarah perkembangan dan seni kraftangan wau seluruh dunia.

Muzium ini terletak berhampiran di tapak Pesta Wau Antarabangsa Kelantan, tempatnya betul-betul terletak di laluan utama ataupun pintu masuk ke kawasan Pantai Seri Tujoh.

PRODUK TUMPAT

Ole-ole Asli

BUDU CAP KETEREH



Sajian utama Kelantan ialah budu. Kebiasaannya budu kegemaran ramai ialah Budu Cap Ketereh yang mudah didapati dan masyhur dalam penyediaan makanan. Budu Cap Ketereh diasaskan oleh Allahyarham Mat Ismail Bin Yusof sekitar tahun 1978 di Kampung Ketil, Pengkalan Kubor, Tumpat.

Kini, Budu Cap Ketereh telah berkembang dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 60,000 botol sebulan atau 10 juta botol setahun. Kilang ini memproses lebih daripada 4 tan ikan bilis segar setiap bulan, yang diperoleh daripada nelayan tempatan.

SERUNDING KAMPUNG LAUT



Serunding, serondeng atau serundeng merupakan sejenis masakan yang dibuat dengan rempah dan dimasak sehingga kering, dan kadangkala berminyak (terutama serunding daging) agar tahan lama. Ia dimasak dan dikacau tanpa henti hingga betul-betul kering kerana dengan cara itu saja ia akan tahan lama.

Menjadi kebiasaan serunding ini dijadikan lauk sebagai penyedap selera bila dimakan bersama nasi dan ketupat bagi mengenyangkan.

Serunding boleh dinamakan antara signature product bagi Tumpat. Malah, kini diwujudkan Laman Warisan Kampung Laut yang menempatkan usahawan-usahawan serunding dari Kampung Laut.

KEROPOK MOK WAN



Keropok Segera Mok Wan atau dikenali dengan label **Keropok Cap Pinggan** adalah makanan ringan yang diproses dan dihasilkan di Kampung Tanjung Kuala, Tumpat. Ia diasaskan oleh Wan Hasmah Wan Semail menerusinya syarikatnya, Syarikat Mak Wan Enterprise yang memulakan operasi pada tahun 2001. Keropok segera disukai kerana penyediaannya yang mudah selain rasanya yang enak. Ia boleh dimakan dengan sos, atau hidangan lain seperti mee atau mihon dan juga dimakan terus.

Perusahaan Keropok Mok Wan kian mendapat sambutan bukan sekadar Malaysia, malah sudah dieksport ke Singapura, Thailand dan Brunei. Kini, keropok segera telah divariasikan melalui menu lain seperti keropok sira berladan

DODOL



Perusahaan dodol lemak di Kampung Laut, Tumpat telah berkembang dengan maju. Ditambah pula dengan pembungkusan yang menarik, dodol kini sudah mampu dijual sehingga Sabah dan Sarawak. Kepelbagai perisa juga antara faktor lain dodol mendapat tempat di hati penggemar makanan segera. Pada hari ini, dodol sudah ada yang berperisa pandan, durian selain perisa asli nya sendiri.

Dodol kebiasaannya melalui tempoh penghasilan yang agak lama iaitu sekitar enam ke tujuh jam. Walaubagaimanapun ia dikatakan satu masa yang berbaloi apabila diukur dengan rasa dan ketahanan dodol.

GELEMBUNG BUAYA



Kuih yang didatangkan dengan nama yang agak unik ini berwarna hijau dan jingga. Kuih tradisi yang berwarna hijau dan jingga ini dihasilkan daripada campuran kelapa muda, tepung pulut, daun pandan, gula dan garam. Ia dikenali sebagai gelembung buaya kerana teksturnya yang mempunyai garisan seakan-akan kulit reptilia tersebut. Selain itu, semasa proses memasak kuih tersebut mengeluarkan buih seakan-akan gelembung buaya yang sedang bernafas di dalam air.

Ia mudah didapati di perusahaan yang menjual serunding dan dodol.

TEMPAT BERSEJARAH

Legasi Untuk Diwarisi

MAKAM TOK JANGGUT



Makam tokoh pejuang yang berasal dari Pasir Puteh ini terletak di Kampung Pasir Pekan Hilir. Allahyarham Haji Hassan Bin Munas merupakan pejuang yang menentang kezaliman British mengenakan cukai yang berat kepada penduduk Kelantan ketika itu. Kemuncak kepada penentangan beliau kepada British ialah apabila bantuan tentera dari Singapura dan Negeri Melayu Bersekutu tiba pada 6 Mei 1915. Serangan ke atas Tok Janggut dilancarkan pada 25 Mei 1915 di Kampung Merbuk dan Kampung Pupuh. Di Kampung Pupuh lah Tok Janggut terbunuh dan jenazahnya dibawa ke Kota Bharu.

Setelah digantung beberapa hari oleh penjajah di Padang Bank (Padang Merdeka) jenazah Tok Janggut dilarikan anak buahnya dan dikebumi di Pasir Pekan

ISTANA BUKIT TANAH



Istana Bukit Tanah merupakan salah satu istana yang terdapat di dalam Jajahan Tumpat. Istana ini dipercayai telah siap dibina dalam tahun 1910, iaitu semasa pemerintahan Sultan Ismail ibni Sultan Muhammad IV. Istana Bukit Tanah ini dijadikan sebagai istana persinggahan sejak dari zaman pemerintahan Sultan Ismail sehingga sekarang.

Pada asalnya, tapak istana ini agak rendah dan dipercayai telah ditimbun dengan tanah supaya kelihatan lebih tinggi. Sekiranya dilihat dari jauh, kedudukan yang tinggi itu seolah-olah ianya dibina di atas sebuah bukit. Sejak itu, istana ini telah diberi jolokan sebagai Istana Bukit Tanah. Keluasan tapak istana ini hampir mencecah 3 ekar, dan kawasannya dikelilingi dengan pokok-pokok besar.

JAMBATAN BIJIH



Jambatan bijih besi terletak berhampiran pantai di Kampung Jubakar dalam Jajahan Tumpat, Kelantan. Jambatan ini dibina oleh pihak British sejak zaman sebelum perang. Tujuannya adalah bagi memudahkan kerja-kerja pemunggahan bijih besi dari darat ke kapal pengangkut.

Semenjak hampir 50 tahun lalu, ia tidak digunakan lagi dan tinggalannya masih boleh dilihat sehingga hari ini. Kini ia terletak di dalam kawasan pembinaan Taman Hutan Bandar dan akan dijadikan tempat rekreasi bernilai sejarah.

KUBU BRITISH



Tinggalan Kubu British boleh dilihat di pinggir Sungai Buaya (Pengkalan Nangka) di Kampung Baru Nelayan, Tumpat. Berdasarkan tulisan yang ada dalam kubu, ia dibina oleh British pada 1940.

Sebagaimana kubu-kubu lain, ia dibina sebagai pertahanan tentera British menghadapi serangan Tentera Jepun ketika Perang Dunia Ke-2.

RUMAH API TUMPAT



Rumah Api Tumpat merupakan antara bangunan bersejarah yang terdapat di Jajahan Tumpat. Bangunan ini berketinggian 70 kaki dan ukur lilit di bahagian bawah adalah 37' 9". Ia dibina menggunakan batu-bata, berbentuk bulat, tirus ke atas dan mempunyai tangga di dalamnya. Fungsi rumah api ini pada waktu dahulu ialah menjadi isyarat kepada kapal dan sampan yang akan tiba di Tumpat.

Pada hari ini ia terletak di dalam kawasan seliaan KTMB Tumpat.

PANTAI
Pesisir air yang
mendamaikan



PANTAI GETING

Pantai Geting ini terletak bersebelahan dengan Pantai Sri Tujuh dan merupakan antara pusat peranginan yang giat dikomersilkan. Jika anda berkelah di pantai ini, anda dapat disajikan dengan persekitaran yang cantik dan pemandangan yang indah.

Pantai ini juga menjadi lokasi rasmi Pertandingan Wau Antarabangsa Kelantan. Pantai ini dilengkapi dengan chalet, gerai makan, teniat untuk pelbagai program, tandas awam dan sebuah masjid iktikaf.



PANTAI SRI TUJOH

Ia dinamakan Pantai Sri Tujuh kerana terdapat 7 buah teluk di sini. Pantai Sri Tujuh terletak berhampiran dengan Pengkalan Kubur. Sebuah resort telah dibina di Pantai Sri Tujuh. Ia dikenali sebagai Pantai Sri Tujuh Resort, lengkap dengan kolam mandi dan dua buah dewan untuk disewa.

Pengunjung boleh makan di gerai-gerai yang disediakan juga sebuah restoran terapung di sini sambil menikmati panorama laut dan bot nelayan kelihatan pulang ke pangkalan pada waktu-waktu tertentu yang menjanjikan hasil laut yang segar. Selain itu terdapat sebuah masjid iktikaf iaitu Masjid Az Zakirin.

TAMAN REKREASI

Lokasi Riadah Pilihan

PANTAI NDO



Ia terletak di pinggir sungai bersebelahan pejabat Majlis Daerah Tumpat. Penduduk setempat memanggil dengan nama "Pata Ndo". Kini lokasi ini dibangunkan dengan pelbagai program terutamanya menerusi program Pertandingan Perlumbaan Perahu yang menjadi program tahunan di Tumpat.

Selain itu, Pata Ndo sentiasa meriah dengan orang ramai lantaran kemudahan senaman sedia ada. Ia termasuklah alat taman permainan, laluan refleksologi dan peralatan senaman. Turut disediakan dua buah gerai makanan, tandas awam dan sebuah surau.

TAMAN KEMAHKOTAAN



Taman Kemahkotaan ialah taman rekreasi yang terletak bersebelahan dengan Pata Ndo. Ia adalah bekas tapak pejabat Lembaga Bandaran Tumpat atau Majlis Daerah Tumpat. Semasa era 80an dan 90an, program-program besar seperti Ambang Merdeka dan senamrobik diadakan di lokasi ini kerana terdapat kemudahan pentas yang disediakan. Setelah pentas di Pata Ndo dibina, Taman Kemahkotaan diganti fungsinya dengan kemudahan senaman dengan peralatan dan trek laluan jogging.

Selain itu, ia juga menempatkan landskap tanaman beraneka warna juga sangkar burung yang didiami burung dan ayam kampong.

MASJID DAN WARISAN ISLAM

Teduhan Jiwa

MASJID AL-ISMAILI PASIR PEKAN



Masjid Al-Ismaili merupakan cetusan idea Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V dan merupakan hadiah abadi daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Muhammad V kepada Ayahanda baginda Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Ismail Petra.

Masjid Al-Ismaili ini akan dilengkapi dengan ruang solat utama seluas 20,750 kaki persegi yang dapat menampung keperluan jemaah seramai 1500 orang jemaah pada satu-satu masa. Masjid ini menjadi tarikan pelancong pada masa kini lantaran keindahan dan keselesaannya.

MASJID AL-ISMAILI

PASIR PEKAN




Masjid Kampung Laut merupakan sebuah masjid tertua yang masih wujud di Kelantan dan di antara yang tertua di Nusantara. Masjid ini dikatakan dibina dalam abad yang ke-18 oleh pendakwah Islam yang berulang-alik antara Champa dan Jawa dengan bantuan penduduk tempatan.

Keistimewaan masjid ini adalah struktur binaannya diperbuat daripada kayu dan tidak menggunakan paku dimana ianya hanya dipasak. Bangunannya masih lagi kekal dan utuh untuk digunakan sebagai tempat beribadat. Tapak asal masjid ini terletak di pinggir Sungai Kelantan. Masjid Kampung Laut kini telah dikembalikan ke tapak asalnya di Kampung Laut Tumpat menerusi projek Kampung Warisan setelah dipindahkan ke Nilam Puri kerana bencana banjir besar pada 1965.

MASJID AR RAHMAN

KUBANG BATANG



Masjid Ar Rahman Mukim Kubang Batang Tumpat pernah tular sebagai antara masjid paling cantik di negeri Kelantan. Masjid yang terletak di Kampung Kubang Batang dibina berinspirasikan daripada reka bentuk masjid Al-Nabawi itu kian menjadi tarikan pengunjung. Masjid yang berkeluasan 34,000 kaki persegi itu dibina dengan kos berjumlah RM20 juta hasil sumbangan orang ramai dan kerajaan persekutuan. Ia direka khas menggunakan jubin berkualiti tinggi sebagai salah satu ikon bagi kampung Kubang Batang. Manakala untuk seni bina dalaman yang menerapkan rekaan dan warna yang berbeza di setiap bahagian dinding untuk mewujudkan elemen segar dan tidak membosankan selain perincian lampu dan kubah yang unik.

PONDOK MEHELIAH GETING



Pondok Meheliah yang terletak di Kampung Tebing, Pengkalan Kubor, Tumpat diasaskan Allahyarham Tuan Guru Hj. Nik Abdullah Ismail atau Tok Guru Haji Nik Loh pada tahun 1927. Beliau telah memperkenalkan sistem pengajian dua aliran iaitu akademik dan pondok. Dengan itu lahirlah Sekolah Menengah Arab Meheliah Geting.

Pondok ini mempunyai 36 buah pondok kayu dengan sebuah daripadanya bangunan konkrit yang dijadikan dom

PONDOK DARUL HANAN KOK PASIR



Pengasas Tok Selehor ialah Tuan Guru Hj. Abdul Rahman Othman. Pondok yang terletak di Kampung Kok Pasir, Palekbang, Tumpat ini dibina sekitar tahun 1900.

Pondok Tok Selehor kemudiannya dinamakan Yayasan Darul Hanan Pondok Tok Selehor. Seramai lima orang guru telah diamanahkan mengajar agama dan Al-Quran kepada 35 pelajar yang semuanya warga emas. Bilangan pelajar yang belajar di sini pernah mencecah 1,000 orang. Terkini ia turut menyediakan kelas bagi mualaf di bawah bimbingan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK).

PONDOK BERANGAN



Pondok Hj Yaakob, Kampung Berangan telah ditubuhkan pada tahun 1948 oleh al-Marhum Tuan Guru Hj Yaakob bin Ishak. Beliau merupakan ayahanda kepada mantan Menteri Besar Kelantan, YB Dato Bentara Kanan Ustaz Dato Haji Ahmad Bin Yakob.


Setelah al-Marhum Tuan Guru Hj Yaakob bin Ishak meninggal dunia maka pengajian pondok ini diteruskan oleh anak murid tuanya iaitu Tuan Guru Hj Muhammad bin Hj Ali sehingga kini.

Pondok Hj Yaakob Berangan terletak di Kg Berangan, Tumpat, Kelantan kira-kira 7 km dari Pusat Bandar Tumpat di atas sebidang tanah seluas 1 ekar lebih.

RUMAH IBADAT

(Non-Muslim)

WAT MACHIMARAM KAMPUNG JUBAKAR



Wat Machimmaram merupakan sebuah patung buddha duduk yang terkenal di Kelantan. Patung Buddha ini merupakan patung yang terbesar di Asia Tenggara yang dikategori sebagai patung duduk yang terdapat di Kampung Jubakar, Tumpat Kelantan.

Ketinggian patung buddha ini ialah 30 meter, panjang 46.9 meter yang terletak di kawasan seluas dalam 22.12 meter persegi. Wat ini juga turut menjadi lokasi utama bagi program pelancongan.

WAT PHOTIVIHAN KAMPUNG JAMBU



Wat Machimmaram merupakan sebuah patung buddha duduk yang terkenal di Kelantan. Patung Buddha ini merupakan patung yang terbesar di Asia Tenggara yang dikategori sebagai patung duduk yang terdapat di Kampung Jubakar, Tumpat Kelantan.

Ketinggian patung buddha ini ialah 30 meter, panjang 46.9 meter yang terletak di kawasan seluas dalam 22.12 meter persegi. Wat ini juga turut menjadi lokasi utama bagi program pelancongan.

KUIL MUTHU MARIAMMAN

JALAN BANDAR TUMPAT



Catatan awal menyebut ia dibina seawal tahun 1920 oleh para pekerja India beragama Hindu yang bertugas menyiapkan rel keretapi dari Gemas sehingga ke Tumpat. Ia menjadikan Kuil Muthu Mariamman menjadi antara kuil Hindu tertua di Kelantan. Pada masa kini kuil ini turut mengadakan program program keagamaan Hindu tiap kali perayaan mereka seperti Deepavali dan Thaipusam.

GEREJA PRYBESTRIAN WAKAF BHARU



Gereja Presbyterian Wakaf Bharu beralamat di Jalan Puteri Saadong, Wakaf Bharu, Gereja ini tidak hanya dikunjungi penganut Kristian dari Tumpat sahaja, tetapi juga dari Kota Bharu. Ia terletak di sebelah kiri Wisma MDT Wakaf Bharu.

GURDWARA SAHIB BANDAR TUMPAT



Rumah Ibadat Sikh ini terletak di Bandar Tumpat berhampiran stesen keretapi Tumpat. Mengikut sejarah lisan dibina seawal 1920 oleh penganut Sikh yang membina jalan keretapi.

Bangunan gurdwara yang sedia ada pada hari ini telah dibina pada 1964 dan kekal penggunaannya sehingga kini. Ia terletak berdekatan rumah keluarga Sikh di Tumpat.

Walaubagaimanapun setiap kali perayaan Hari Vaisakhi, pengunjung dari Kota Bharu dan Kuala Krai turut hadir di Gurdwara Sahib Tumpat untuk merayakannya bersama.

JUADAH DI TUMPAT

Hidangan istimewa menanti

NASI BERLAUK KAK CHIK, KAMPUNG BERANGAN



Nasi Berlauk Kak Chik atau Nasi Air Dingin Kak Chik ialah hidangan nasi yang disajikan bersama gulai ikan. Lazimnya ia merupakan makanan sarapan pagi di Kelantan. Antara sebab ia menjadi popular ialah kerana nasi dan lauknya yang tahan lama. Nasi Kak Chik kini beroperasi di Kampung Berangan Hujung, Tumpat. Konsep restorannya pula dibuka antara jam 7.00 pagi sehingga 8.00 malam dan menyediakan puluhan lauk.

Ia terkini termasuk dalam lokasi pelancongan apabila ramai pemandu pelancong menjadikan Nasi Kak Chik termasuk dalam senarai tempat kunjungan.

NASI KAK PAH ABE LAH IKE BEKOK, PANTAI GETING



Ikan Bekok atau ikan yang diperam bersama garam ini menjadi lauk utama bagi penduduk Tumpat yang berada di pesisir pantai. Pada hari ini, ia dikomersialkan menjadi lauk utama di sebuah restoran yang terletak di pantai Geting. Ikan Bekok mendapat namanya kerana apabila ia diperam, ikan mengembang seolah-olah ‘bengkak’. Antara ikan yang dipilih untuk penghasilan ialah cencaru dan gelama sungai.


Restoran Kak Pah Abe Lah menyediakan lauk pauk selain menjadikan ikan bekok sebagai hidangan utama.

NASI AYAM KAMPUNG MEK LIMAH, GETING



Ayam kampong goreng dan gulai serati yang enak untuk dinikmati panas-panas boleh dinikmati di Kedai Nasi Ayam Kampung Mek Limah. Ia terletak di Chabang Tiga Geting, kedai ini menyediakan sajian sarapan pagi dan lauk tengahari. Terkenal dengan lauk ayam kampong goreng, kedai ini juga turut menyediakan lauk gulai serati di samping anek lauk lain yang menjadi pembuka selera bagi setiap pengunjung di sini

NASI AYAM PENCEN KELABORAN



Kedai Nasi Ayam Pencen Kelaboran ini tertelak di hadapan Hospital Tumpat. Ayam pencen ialah istilah yang digunakan untuk ayam penelur yang sudah tua dan tidak produktif. Gulai ayam pencen lazat dinikmati sama ada goreng atau gulai. Istimewa di Kampung Kelaboran ini, kedai nasi ayam pencen ini menjadikan ia lauk utama dan ayam pencen ini juga menjadi lauk paling mendapat tempahan pelanggannya. Kedai ini hanya beroperasi pada waktu pagi sahaja.

CHAR KUEY TEOW ASHOK PASIR PEKAN



Ashok Char Kuey Teow menyediakan satu jenis makanan sahaja iaitu char kuey teow. Bertempat di Bandar Baru Pasir Pekan, kedai yang menyediakan juadah ini sentiasa dipenuhi pelanggan lantaran kenikmatan char kuey teownya. Ditambah pula dengan lauk udang segar dan kerang yang enak, char kuey teow disini disediakan dengan pengurusan yang bersih dan teratur. Bagi peminat char kuey teow, Ashok Char Kuey Teow wajib menjadi singgahan sekiranya anda ke Tumpat. Waktu operasi perniagaan bermula 5.30 petang sehingga jam 11.00 malam.

PENGINAPAN DI TUMPAT

Mendamaikan dan tenang

PANTAI SRI TUJOH RESORT



Pantai Sri Tujoh Resort merupakan resort utama di Pantai Sri Tujoh dan terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Tumpat. Kemudahan yang ada di sini termasuklah gerai makanan, masjid, kolam kanak-kanak, dewan serbaguna selain padang serbaguna untuk pelbagai program. Kemudahan barbeku turut disediakan resort dengan harga berpatutan. Deretan gerai makanan dan gerai jualan yang beroperasi setiap petang menyaksikan penjual tidak menang tangan melayan permintaan pelanggan. Hasil laut segar menanti pengunjung di pintu masuk Pantai Sri Tujoh. Jumlah bilik di sini ialah 50 buah.

D'RHU BEACH RESORT PANTAI GETING



Sebuah chalet yang terletak di Pantai Getting. Dengan kemudahan chalet dan kolam untuk kanak-kanak dan dewasa, D'Rhu Beach Resort menjadi pilihan pengunjung yang ingin menginap di sini. Chalet di sini juga mempunyai padang serbaguna yang boleh dijadikan tapak sukaneka bagi penganjuran hari keluarga selain kemudahan tapak barbeku. Lokasinya yang berhampiran dengan pantai menambah keindahan suasana di sini.

SENANGIN RESORT PANTAI SRI TUJOH



Ia terletak di Pantai Sri Tujoh dengan kemudahan chalet, kolam dan dewan serbaguna. Dengan kemudahan Wi-Fi percuma, Senangin turut menyediakan kemudahan parkir percuma.. Senangin Resort terletak 4 km dari Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor dan 37km dari Lapangan Terbang Sultan Ismail. Kemudahan lain yang disediakan ialah tempat barbeku dan perkhidmatan dobi. Senangin sedia menerima tempahan bilik 24 jam. Jumlah bilik yang ada ialah 26 buah.

